

14/10/2000

Umno terus terajui pemerintahan Melaka

Rahman Hashim

SEBAGAI tonggak perjuangan masyarakat Melayu, Umno selaku komponen utama parti Barisan Nasional (BN), terus menerajui pemerintahan negeri ini. Malah di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Umno terus mengembangkan sayap ke seluruh pelusuk desa dan kampung.

Sesungguhnya keputusan pilihan raya akhir tahun lalu, banyak memberi pengajaran kepada Umno dan pemimpinnya di negeri itu supaya tidak lalai dibuai perasaan 'puas hati' dan melayan 'rasa kecewa' yang berpanjangan sehingga hampir membawa padah.

Menyedari hakikat inilah, Umno dan BN, mengadakan pelbagai bedah siasat dan gerak gempur bagi menarik semula golongan muda yang sudah 'terpedaya' dengan tipu helah pembangkang, khususnya Pas dan Keadilan.

Pelbagai kempen gerak saraf diadakan bagi menyedarkan golongan muda, khususnya mereka yang baru boleh mengundi pada pilihan raya umum 2004 supaya menyokong kerajaan yang ada.

Segala masalah atau kepincangan yang berlaku sehingga menjadi salah satu faktor sebahagian besar orang-orang Melayu di negeri ini, menyokong pembangkang, cuba diselesaikan secepat mungkin.

Semua jentera BN negeri digerakkan sepenuhnya dan Umno sebagai wadah perjuangan bangsa Melayu, perlu mendahului tugas ini kerana sokongan masyarakat lain terhadap MCA, MIC dan parti komponen lain, jelas tidak berubah.

Malah, sokongan masyarakat Cina terhadap MCA semakin meningkat berbanding DAP.

Sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Melaka, Mohd Ali mempunyai tugas berat untuk memulihkan semula keyakinan orang ramai terhadap kemampuan Umno.

Disebabkan perasaan tamak dan iri hati, keputusan pilihan raya umum lalu, hampir menjadikan sejarah lama berulang kembali. Umat Islam, khususnya bangsa Melayu sepatutnya berasa syukur kerana matlamat pihak pembangkang dan ejen Barat untuk menghancurkan negara ini, belum lagi 'dimakbulkan' Allah.

Sejarah peradaban manusia menunjukkan kehidupan di dunia ini tidak ubah seperti roda atau air laut. Sesuatu bangsa tidak akan terlepas daripada mengalami zaman gelap dan terang.

Dalam kata lain, sesuatu bangsa tidak akan maju untuk selama-lamanya dan juga tidak akan mundur secara berterusan, kecuali mereka sendiri yang mempercepatkan 'proses' itu berlaku. Sebagai contoh, kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka atau pun kehebatan empayar Rom, kini tinggal kenangan walaupun sebelum ini tidak terfikir, kuasa itu boleh hancur dalam tempoh beberapa tahun saja.

Nampaknya, bibit-bibit ini sudah terasa 'menyerap' ke dalam Umno serta kalangan ahlinya dan jika tiada tindakan susulan diambil, kita khuatir Umno cuma tinggal nama dan lambang saja. Justeru, tidak hairanlah bagi kita apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau akan bersara hanya apabila perpaduan dan kekuatan di kalangan ahli Umno, khususnya generasi muda, diperkukuhkan. Masih banyak ruang kosong atau 'kebocoran' yang perlu 'ditampal' segera oleh pemimpin Umno sedia ada, baik di peringkat cawangan, bahagian mahu pun negeri. Oleh itu, bermodalkan semangat yang ada, Badan Perhubungan Umno Negeri dan juga BN, terus meniti kepayahan dan halangan lain, termasuk usaha pihak pembangkang yang berterusan menggunakan sentimen agama dan perkauman untuk

menggagalkan hasrat murni itu.

Parti pembangkang, khususnya Pas, berasa `bangga' kerana berjaya menarik sebahagian besar pengundi Melayu dengan isu agama dan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga ramai calonnya berjaya menjadi `wakil rakyat'. Beberapa bulan sebelum pilihan raya diadakan, hampir setiap malam `ceramah agama' yang lebih berbentuk kepada `caci maki' terhadap pemimpin Umno dan BN, diadakan. Tetapi, yang peliknya, perbuatan mereka ini seolah-olah `dihalalkan' oleh pemimpin atasan mereka yang berpengetahuan dalam agama.

Jikalau pemimpin Pas sedia ada dan bergelar ulama mendakwa diri mereka mencontohi sahabat ataupun golongan tabiin (selepas zaman sahabat), apa yang boleh kita katakan ialah `jauh panggang dari api'.

Meskipun mereka seorang hafaz Quran, boleh membaca hadis, boleh berbahasa Arab dan membaca khutbah, cubalah perhatikan perangai dan adab kesopanan mereka dengan tingkah laku golongan tabiin tadi.

Tidak perlu kita membandingkan mereka dengan golongan sahabat kerana mereka tidak layak dibandingkan demikian. Sahabat Rasulullah SAW seperti Saidina Abu Bakar, Omar, Osman dan Ali adalah golongan yang sudah dijanjikan syurga dan mereka sentiasa menjaga lidah dan tingkah laku sebaik saja memeluk Islam.

Sejahil-jahil umat Islam ketika itu, mereka tidak pernah mengatakan Allah itu mencarut dan menentang sesama Islam adalah jihad. Nauzubillahi min zalik. Kita cuma khuatir mereka yang mengeluarkan kata-kata atau pendustaan ini, bagaimana nasib mereka ketika berada di ambang sakratul maut. Apakah mereka masih sempat bertaubat dan boleh mati dalam keadaan beriman kepada Allah SWT? Sama-samalah kita tunggu.

Menurut riwayat, Saidina Omar sendiri misalnya, apabila berjalan akan mengulum seketul batu di dalam mulutnya. Bila beliau hendak berkata-kata kepada saudara Islam atau musuh Islam yang lain, batu itu akan dikeluarkan. Selepas habis berbicara batu itu akan dimasukkan semula ke dalam mulutnya.

Ketika ditanya mengapa beliau berbuat demikian, Saidina Omar terus menjawab iaitu apabila seseorang itu banyak berkata-kata, di situlah masuk jalan dusta. Oleh itu, beliau hanya akan bercakap apabila perlu saja.

Hujjatul Islam, Imam Al-Ghazali sendiri adalah antara insan yang sepanjang hayat mengabdikan diri kepada Allah. Seheinggakan, apabila beliau mendengar saja nama `Allah' diucap atau ditakbirkan, menggigil seluruh tubuhnya.

Bagaimanapun, ini tidak berlaku di kalangan ulama Pas dan ahlinya. Malah, mereka akan tersenyum dan kadangkala tertawa setiap kali bertakbir, tidak kira sama ada kepada pemimpin Pas mahupun pemimpin parti pembangkang yang lain.

Kadangkala terfikir juga, kebangkitan Pas bukanlah disebabkan parti itu kuat tetapi berpunca daripada beberapa tindakan drastik kerajaan dalam menangani pelbagai isu semasa.

Rasanya, rakyat negara ini tidak mahu menyaksikan sejarah silam berulang kembali. Walaupun, sebahagian besar kita pun tidak mempunyai pengalaman hidup di bawah pemerintahan Inggeris, Jepun, Bintang Tiga ataupun darurat, sejarah hitam itu boleh dijadikan panduan.

(END)